

## **BIMB HOLDINGS DAN RELDYN BAKAL MENGUBAH LANDSKAP KEWANGAN DIGITAL ISLAM**

**KUALA LUMPUR, KHAMIS, [6 Februari 2025]:** BIMB Holdings Sdn Bhd (BIMB Holdings), anak syarikat milik penuh Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) menjalin satu perjanjian usaha sama strategik dengan RELDYN Tech Sdn Bhd (RELDYN) bagi menubuhkan sebuah syarikat baharu, FINODYN Sdn Bhd (FINODYN).

Perkongsian ini akan beroperasi sebagai sebuah entiti Teknologi Kewangan (TechFin) yang bertujuan memajukan landskap kewangan digital patuh Syariah dengan menyediakan platform, perisian dan perkhidmatan teknologi kewangan terkini kepada pasaran.

Di bawah usaha sama ini, BIMB Holdings menguasai 40% ekuiti dalam FINODYN, manakala 60% lagi dipegang RELDYN.

FINODYN akan menerapkan model perniagaan-ke-perniagaan (B2B) yang akan memberi tumpuan kepada penyediaan platform kewangan dan perbankan yang menawarkan penyelesaian kewangan patuh Syariah, penyelenggaraan, perundingan serta perkhidmatan sokongan kepada pelbagai organisasi dan perniagaan.

Perjanjian itu telah dimeterai oleh Pengurus BIMB Holdings, Mohamed Iran Moriff Mohd Shariff, dan Ketua Pegawai Eksekutif RELDYN, JayaPrasad Rao Ethamukkala dengan disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed dan Pengarah RELDYN, Jaya Malar Arumugam.

Menerusi gabungan inovasi dan kepakaran kedua-dua syarikat, FINODYN komited untuk menawarkan:

- **Platform penyelesaian kewangan patuh Syariah** – Selari sepenuhnya dengan prinsip kewangan Islam bagi memastikan penawaran kewangan beretika dan bertanggungjawab.
- **Platform sedia guna** – Direka untuk pelaksanaan yang lancar dengan penyesuaian minimum, memastikan ia dapat dipasarkan dengan cepat.
- **Pembangunan keberkesanan kos** – Proses yang diperkemas untuk mengoptimumkan masa dan sumber, sambil memacu inovasi berterusan.

Usaha ini juga sejajar dengan pelan pertumbuhan lima tahun Bank Islam, LEAP25 yang memberi penekanan kepada transformasi digital sebagai pamacu utama kemampaman jangka panjang.

"Penubuhan FINODYN mencerminkan hasil kerjasama simbiotik antara BIMB Holdings dan RELDYN, yang membolehkan Bank Islam memanfaatkan kekuatan kedua-dua pihak untuk memacu pertumbuhan mampan. Kami optimis usaha sama ini akan mempercepatkan perkembangan kewangan digital Islam, pada masa sama, menyediakan penyelesaian patuh Syariah yang memperkasakan pasaran," ujar Ketua Pegawai Digital Kumpulan Bank Islam, Noor Farilla Abdullah.

Kerjasama strategik ini juga membolehkan Bank Islam memperkenalkan Perbankan Islam sebagai Perkhidmatan (*Islamic Banking-as-a-Service atau iBaaS*) dan memperluas penyelesaian kewangan inovatif merentasi pelbagai pasaran. Dengan meneroka bidang TechFin, Bank Islam dapat mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju kewangan digital Islam.

Usaha sama ini akan dilaksanakan dalam tiga fasa strategik. Fasa awal, mengambil masa sehingga dua tahun, akan memberi tumpuan kepada pembangunan produk dan infrastruktur. Ia akan diikuti dengan fasa jualan yang lebih agresif bagi mempercepatkan penembusan pasaran.

"Kami sangat teruja menjalin kerjasama dengan Bank Islam bagi membentuk masa depan kewangan. Dengan menggabungkan penyelesaian awan inovatif kami bersama kepakaran perbankan Bank Islam, kami memberi tumpuan dalam penyampaian pengalaman pelanggan yang unggul, memacu transformasi digital, dan mewujudkan landskap perkhidmatan kewangan yang lebih tangkas, selamat dan mengutamakan pelanggan," ujar JayaPrasad.

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.